



KENYATAAN MEDIA

SOROTAN PASARAN BURUH, SUKU KETIGA 2022

Pemulihan pasaran buruh berterusan pada kadar yang stabil pada suku ketiga 2022 berikutan normalisasi semua aktiviti ekonomi dan sosial mengukuhkan pasaran pekerjaan dan mengurangkan pengangguran

PUTRAJAYA, 17 November 2022 - Pemulihan pasaran buruh berterusan pada kadar yang stabil pada suku ketiga 2022 berikutan normalisasi semua aktiviti ekonomi dan sosial mengukuhkan pasaran pekerjaan dan mengurangkan pengangguran, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam keluaran **Sorotan Pasaran Buruh, Suku Ketiga 2022 (LMR ST3 2022)**. Penerbitan ini menghimpunkan statistik buruh suku tahunan dan mengetengahkan situasi terkini pasaran buruh Malaysia bagi menyediakan naratif yang lebih komprehensif.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Pada suku ketiga 2022, peralihan negara ke fasa endemik mendorong rakyat Malaysia kembali kepada kehidupan hampir normal selepas dua tahun berjuang melawan pandemik COVID-19. Oleh itu, ekonomi terus mengukuh sebanyak 14.2 peratus pada suku tahun ini selepas merekodkan pertumbuhan 8.9 peratus pada suku sebelumnya. Seterusnya, guna tenaga terus mencatatkan peningkatan tahun ke tahun yang lebih tinggi manakala pengangguran berkurang berikutan pemulihan permintaan buruh oleh sektor ekonomi. Justeru, momentum pemulihan pasaran buruh negara berterusan pada suku ketiga 2022."

Dari segi penawaran buruh pada suku ketiga 2022, bilangan penduduk bekerja meningkat sebanyak 3.6 peratus kepada 15.83 juta orang berbanding suku yang sama tahun sebelumnya, dengan merekodkan 15.70 juta orang. Sebaliknya, bilangan penganggur menurun sebanyak 18.0 peratus kepada 611.8 ribu orang (ST3 2021: 746.2 ribu). Selaras dengan itu, kadar pengangguran berkurang kepada 3.7 peratus selepas menurun sebanyak 1.0 mata peratus (ST3 2021: 4.7 peratus) dan secara perlahan-lahan kembali kepada keadaan sebelum pandemik. Pertumbuhan guna tenaga yang lebih tinggi daripada penurunan kadar pengangguran menyebabkan bilangan tenaga buruh meningkat sebanyak 2.6 peratus kepada 16.44 juta orang pada suku tersebut. Justeru, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) terus mengukuh sebanyak 1.1 mata peratus kepada 69.4 peratus (ST3 2021: 68.3 peratus).

Bagi situasi guna tenaga tidak penuh, Ketua Perangkawan berkata, "Dengan pengukuhan permintaan domestik sepanjang suku ketiga 2022, bilangan penduduk yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu terus menunjukkan trend penurunan, dengan pengurangan sebanyak 38.2 peratus berbanding suku yang sama pada 2021, merekodkan 287.2 ribu orang (ST3 2021: 464.6 ribu). Begitu juga, bilangan guna tenaga tidak penuh berkaitan masa menurun sebanyak 42.7 peratus kepada 186.8 ribu orang, dengan kadar 1.2 peratus (ST3 2021: 326.2 ribu; 2.1%). Pada masa yang sama, bilangan guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran yang menunjukkan mereka yang berpendidikan tertiar tetapi bekerja dalam kategori pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah merekodkan seramai 1.84 juta orang dengan kadar 36.8 peratus (ST3 2021: 1.87 juta; 37.7%). Walaupun merekodkan bilangan dan kadar yang lebih rendah daripada suku yang sama pada tahun sebelumnya, kumpulan ini merangkumi lebih daripada satu pertiga penduduk bekerja dengan pendidikan tertiar."

Mengulas mengenai prestasi permintaan buruh, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Jumlah jawatan dalam sektor ekonomi terus bertambah baik dengan merekodkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 3.2 peratus kepada 8.68 juta jawatan (ST3 2021: 8.41 juta), melepassi paras sebelum pandemik. Jawatan diisi yang merangkumi 97.8 peratus dari keseluruhan jawatan meningkat 3.1 peratus kepada 8.48 juta (ST3 2021: 8.23 juta). Sementara itu, kekosongan jawatan yang merangkumi 2.2 peratus lagi dari keseluruhan jawatan meningkat 9.9 peratus kepada 191.3 ribu kekosongan berbanding 174.0 ribu yang direkodkan pada suku yang sama 2021. Sebanyak 30.5 ribu jawatan telah diwujudkan pada suku tersebut, melepassi purata bilangan pewujudan jawatan sebelum pandemik bagi tempoh suku pertama 2018 hingga suku keempat 2019 yang mana dalam lingkungan 25.1 ribu kepada 28.7 ribu pewujudan jawatan."

Berikutan ekonomi Malaysia terus mengukuh pada suku ketiga 2022, produktiviti buruh yang diukur berdasarkan nilai ditambah per pekerja mencatatkan peningkatan sebanyak 10.1 peratus (ST2 2022: 5.5%) berbanding suku yang sama tahun lepas kepada RM24,241 per pekerja (ST3 2021: RM22,007; ST2 2022: RM23,322). Begitu juga, nilai ditambah per jam bekerja juga meningkat sebanyak 3.8 peratus dengan nilai RM42.50 per jam (ST3 2021: RM40.90; ST2 2022: RM41.00) selepas pertumbuhan 1.3 peratus pada suku sebelumnya. Jumlah jam bekerja meningkat sebanyak 10.0 peratus untuk merekodkan 9.04 bilion jam pada suku ini.

Secara amnya, pertumbuhan ekonomi global dikaitkan dengan peningkatan penyertaan wanita kerana ia berpotensi untuk membasmi kemiskinan dalam era ekonomi baharu dan memperluas akses wanita kepada peluang kerjaya dan sektor yang berproduktiviti tinggi. Peranan penting wanita dalam ekonomi juga diakui oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke arah mencapai Agenda Global 2030 dengan memperkasakan wanita dalam ekonomi dan merapatkan jurang antara jantina di tempat kerja. Mengambil kira untuk menilai trend dan corak penyertaan wanita dalam

pasaran buruh, edisi LMR ini memaparkan artikel bertajuk "Meninjau ciri-ciri tenaga buruh wanita di Malaysia: Penyertaan yang rendah namun berpotensi." Walaupun KPTB wanita di Malaysia masih rendah, namun terdapat potensi untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh. Artikel penuh mengenai kajian ini boleh dicapai melalui laporan ini.

Pembukaan semula aktiviti ekonomi dan sosial yang berterusan pada separuh tahun kedua tahun 2021, serta model perniagaan kreatif dan dasar dan inisiatif kerajaan, seperti Pelan Pemulihran Ekonomi Negara, Program Subsidi Upah, dan beberapa program geran dan pembiayaan, sebahagianya telah menyumbang kepada kenaikan penengah dan purata gaji & upah bulanan tahun 2021 selepas mencatatkan penurunan pada tahun 2020. Peningkatan gaji yang berterusan dapat dicapai dengan adanya ekonomi yang mengutamakan perwujudan jawatan dengan gaji yang wajar sambil meningkatkan rantaian nilai dengan memanfaatkan penyelesaian digital seperti kecerdasan buatan dan robotik untuk melonjakkan produktiviti, meningkatkan pekerjaan berpendapatan tinggi dan produktif bagi menyediakan taraf hidup yang lebih baik.

Mengakhiri kenyataannya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Pasaran buruh Malaysia terus berkembang pada suku ketiga 2022 berbanding suku sama pada tahun 2021. Beralih ke suku keempat 2022, aktiviti ekonomi dan sosial terus kembali normal dengan Indeks Pelopor Malaysia yang terkini menjangkakan ekonomi akan terus mengekalkan momentum pertumbuhan. Oleh itu, prestasi keseluruhan pasaran buruh juga dilihat akan mengekalkan momentum positifnya dan lebih berdaya tahan, memberi isyarat bahawa pasaran buruh Malaysia semakin pulih didorong perkembangan semasa aktiviti ekonomi. Namun begitu, pandangan ini adalah tertakluk kepada pelbagai cabaran dalam mengurangkan kesan pertumbuhan yang perlahan dalam ekonomi global dan aktiviti perdagangan, serta kesan bencana banjir yang berkemungkinan akan berlaku berikutan jangkaan Monsun Timur Laut atau musim tengkujuh di Malaysia yang bermula pada awal November 2022 dan berterusan sehingga Mac 2023."

Data siri masa dan maklumat lanjut berkaitan pasaran buruh boleh diperolehi dari portal *Malaysia Labour Market Interactive Data* (MyLMID). Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> atau imbas kod QR di bawah.



Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStats_2022.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
17 NOVEMBER 2022**



MEDIA STATEMENT

LABOUR MARKET REVIEW, THIRD QUARTER 2022

Labour market continued its recovery at a steady pace in the third quarter of 2022 as the normalisation of all economic and social activities strengthened the job market and reduced unemployment

PUTRAJAYA, 17 November 2022 - Labour market continued its recovery at a steady pace in the third quarter of 2022 as the normalisation of all economic and social activities strengthened the job market and reduced unemployment, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today on the release of **Labour Market Review, Third Quarter 2022 (LMR Q3 2022)**. This publication consolidates quarterly labour statistics and highlighted the recent Malaysia's labour market situation to provide more comprehensive narrative.

According to Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician Malaysia, "In the third quarter of 2022, the country's transition to the endemic phase allowed Malaysians to return to near-normal life after two years of battling the COVID-19 pandemic. Therefore, the economy continued to strengthen by 14.2 per cent in this quarter after posting a growth of 8.9 per cent in the previous quarter. Subsequently, employment continued to register a higher year-on-year increase while unemployment eased following the recovery of demand for labour by the economic sectors. Hence, the national labour market had continued its recovery momentum in the third quarter of 2022."

In terms of labour supply in the third quarter of 2022, the number of employed persons rose by 3.6 per cent to 15.83 million persons as against the same quarter of the preceding year, which recorded 15.70 million persons. On the contrary, the number of unemployed persons decreased by 18.0 per cent to 611.8 thousand persons (Q3 2021: 746.2 thousand). In line with this, the unemployment rate lowered to 3.7 per cent after declining by 1.0 percentage points (Q3 2021: 4.7%) and slowly returning to how it was before the pandemic. Higher employment growth than the decline in unemployment led the number of the labour force to increase by 2.6 per cent to 16.44 million persons in the quarter. Hence, the labour force participation rate (LFPR) strengthened further by 1.1 percentage points to 69.4 per cent (Q3 2021: 68.3%).

As for the underemployment situation, the Chief Statistician said, "With the strengthening of domestic demand throughout the third quarter of 2022, the number of persons working less than 30 hours per week persisted in trending down, with a decline of 38.2 per cent as against the same quarter in 2021, registering 287.2 thousand persons (Q3 2021: 464.6 thousand). Likewise, the number of persons in time-related underemployment declined by 42.7 per cent to 186.8 thousand persons, with a rate of 1.2 per cent (Q3 2021: 326.2 thousand; 2.1%). In the meantime, the number of skilled-related underemployment which indicated those with tertiary education but were employed in the semi-skilled and low-skilled occupation categories recorded a total of 1.84 million persons with a rate of 36.8 per cent (Q3 2021: 1.87 million; 37.7%). Despite registering an improvement in skill-related underemployment situation as against the same quarter in the preceding year, this group comprised more than one-third of employed persons with tertiary education."

Commenting on performance of labour demand, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated, "Total jobs in the economic sector continued to improve by recording a year-on-year increase of 3.2 per cent to 8.68 million jobs (Q3 2021: 8.41 million), surpassing the pre-pandemic level. Filled jobs which comprised of 97.8 per cent of jobs rose 3.1 per cent to 8.48 million (Q3 2021: 8.23 million). Meanwhile, job vacancies which made another 2.2 per cent of jobs elevated by 9.9 per cent to 191.3 thousand vacancies compared to 174.0 thousand recorded in the same quarter of 2021. A total of 30.5 thousand jobs were created during the quarter, surpassed the average number of jobs created prior to the pandemic for the period of first quarter of 2018 until fourth quarter of 2019 which was in the range of 25.1 thousand to 28.7 thousand jobs creation."

As Malaysia's economy strengthened further in the third quarter of 2022, labour productivity measured by value added per employment posted an increase of 10.1 per cent (Q2 2022: 5.5%) as against the same quarter last year to RM24,241 per person (Q3 2021: RM22,007; Q2 2022: RM23,322). Likewise, the value added per hour worked also improved by 3.8 per cent with a value of RM42.50 per hour (Q3 2021: RM40.90; Q2 2022: RM41.00) after a 1.3 per cent growth in the previous quarter. Total hours worked ascended by 10.0 per cent to register 9.04 billion hours in this quarter.

Generally, global economic growth has been linked to increase female participation as it has the potential to eradicate poverty in emerging economies and increase females' access to high-productivity sectors and careers. The important role of females in the economy was also acknowledged by the United Nation towards achieving the 2030 Global Agenda by empowering females in the economy and closing gender gaps at work. Taken into account to assess the trend and pattern of female participation in the labour market, this edition of the LMR presented an article entitled "Exploring the characteristics of female labour force in Malaysia: Low participation despite potential." Although the female LFPR in Malaysia is still low, there is a potential to bring more

females to join the labour force. The full article on this study can be accessed in this report.

The continuous resumption of economic and social activities during the second half of 2021, as well as creative business models and the government's policies and initiatives, such as the National Economic Recovery Plan, the Wage Subsidy Program, and several grants and financing programmes, partly contributed to the increase in median and mean monthly salaries & wages in 2021 after registering a decline in 2020. Sustained wage growth can be achieved by building an economy that prioritises generating work with decent wages while moving up the value chain by leveraging digital solutions such as artificial intelligence (AI) and robotics to boost productivity, culminating in higher-paying and productive jobs that can provide a subsistence standard of living.

Ending his statement, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Malaysia's labour market continued to grow in the third quarter of 2022 as compared to the same quarter in 2021. Moving into the fourth quarter of 2022, economic and social activities continue to normalise as current Malaysia's leading index is anticipating that the economy will continue to uphold its growth momentum. Hence, the overall labour market performance is also foreseen to sustain its positive momentum and be more resilient, signalling that Malaysia's labour market is recovering steered by the current development of the economic activity. However, the viewpoint is subjected to the various challenges in mitigating the effects of slow growth in global economy and trade activity, as well as the impact of the flood disaster that may occur following the expected North East Monsoon or monsoon season in Malaysia which begin in early November 2022 and continue until March 2023."

Time series statistics and more information on the labour market can be obtained from the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) portal. For more information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.



The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 17 November 2022

DOSM also released economic and social statistics, namely *PocketStats* which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link https://bit.ly/PocketStats_2022.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
17 NOVEMBER 2022**